

## TERMA & SYARAT

1. Program hak istimewa kesetiaan pelanggan **PRU**biz beyond (“**PRU**biz beyond”) adalah program keahlian yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (“**Syarikat**”) kepada pelanggan **Syarikat**.
2. **PRU**biz beyond diurus dan dikendalikan oleh Prudential Assurance Malaysia Bhd (“**PAMB**”) dan keahlian adalah melalui jemputan sahaja.
3. Keahlian **PRU**biz beyond:
  - a. Kriteria kelayakan keahlian **PRU**biz beyond adalah ditetapkan oleh **Syarikat** mengikut budi bicara mutlak **Syarikat** dari semasa ke semasa.
  - b. **Syarikat** mempunyai hak untuk menukar kriteria kelayakan untuk keahlian **PRU**biz beyond pada bila-bila masa tanpa notis awal.
  - c. **Syarikat** mempunyai hak untuk memberi, membatalkan atau menolak sebarang keahlian berdasarkan budi bicara mutlak.
4. Ahli **PRU**biz beyond (“**Ahli**”):
  - a. Setiap pelanggan **Syarikat** yang layak untuk **PRU**biz beyond akan menerima kad **PRU**biz beyond yang mengandungi nama ahli.
  - b. Ahli-ahli dianggap telah bersetuju dengan terma dan syarat dalam salah satu daripada keadaan berikut, yang mana lebih awal:
    - i. Semasa menggunakan sebarang hak atau keistimewaan pelanggan **PRU**biz beyond; atau
    - ii. Setelah tamat tiga puluh (30) hari dari tarikh **Syarikat** menghantar Kad kepada Ahli, melainkan jika **Syarikat** menerima makluman bertulis daripada ahli yang layak, untuk menolak dan tidak bersetuju menjadi ahli dalam tempoh tiga puluh (30) hari tersebut.
  - c. Ahli yang ingin membatalkan keahlian mesti menyediakan notis bertulis kepada **Syarikat**. Setelah **Syarikat** menerima notis pembatalan Ahli, semua faedah dan keistimewaan Ahli akan ditamatkan serta-merta.
  - d. Untuk tujuan Fasal 4(b)(ii) dan (c) di atas, **Syarikat** dianggap telah menerima makluman bertulis daripada Ahli / Ahli yang layak hanya apabila **Syarikat** telah menerima notis bertulis tersebut.

5. Kad **PRUbiz beyond** (“**Kad**”):

- a. Kad adalah hak kepunyaan Syarikat.
  - b. Kesahihan Kad adalah berdasarkan tempoh yang dinyatakan di dalam Kad.
  - c. Kad tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh Ahli yang namanya tertera di Kad.
  - d. Semua faedah **PRUbiz beyond** tertakluk kepada Kad yang sah. Kad mesti ditunjukkan oleh Ahli sahaja, dan Ahli akan diminta untuk menunjukkan bukti identiti dirinya untuk menggunakan keistimewaan Kad.
  - e. Kehilangan atau kecurian Kad mestilah dilaporkan segera kepada PAMB.
  - f. Bayaran mungkin dikenakan untuk menggantikan Kad yang hilang atau rosak. Kad yang baru adalah sah seperti Kad yang dikeluarkan sebelumnya
6. Faedah produk dan servis **PRUbiz beyond** yang ditawarkan kepada Ahli boleh didapati di laman sesawang Syarikat **[www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)** di bawah halaman **PRUbiz beyond**. Ahli bersetuju bahawa Syarikat berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengubah struktur program, faedah dan ciri-ciri lain, termasuk pindaan Terma dan Syarat, atau untuk menamatkan program **PRUbiz beyond** pada bila-bila masa. Syarikat akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memaklumkan Ahli mengenai perubahan material kepada **PRUbiz beyond** dan / atau kepada Terma & Syarat ini melalui **[www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)** atau mana-mana laman sesawang lain (“Laman Sesawang Syarikat”) sebagaimana yang dimaklumkan kepada Ahli dari semasa ke semasa. Ianya adalah tanggungjawab Ahli untuk memastikan diri mereka sentiasa menerima maklumat terkini berkenaan dengan **PRUbiz beyond** dan Terma & Syarat. Syarikat dan/atau rakan kerjasama (“**Rakan Kerjasama**”) di dalam program **PRUbiz beyond** tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perubahan kepada **PRUbiz beyond** atau pada Terma & Syarat ini. Syarikat dan Rakan Kerjasama berhak untuk tidak memberikan faedah dan keistimewaan yang dinyatakan dalam **PRUbiz beyond**.
7. Apabila Ahli menggunakan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh Rakan Kerjasama, terma dan syarat Rakan Kerjasama akan terpakai. Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang timbul dari produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh Rakan Kerjasama.

8. Peruntukan faedah, produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh Rakan Kerjasama kepada Ahli adalah di antara Rakan Kerjasama dan Ahli sahaja, dan Ahli mungkin bertanggungjawab untuk membayar faedah, produk atau perkhidmatan tersebut. Syarikat bukanlah pihak dalam transaksi tersebut, dan Syarikat sama sekali tidak terikat dengan kontrak atau sebarang kewajipan lain kepada Ahli. Syarikat tidak akan mewakili atau memberi jaminan berkenaan dengan ketersediaan, keberkesanan, kualiti dan kesesuaian apa-apa faedah, produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh Rakan Kerjasama. Selanjutnya, penafian penuh Syarikat, terma dan syarat berkenaan dengan faedah individu, produk dan perkhidmatan akan terpakai.
9. **PRU**biz beyond dan/atau keahliannya adalah di antara Syarikat dan Ahli. Ini tidak bermakna Syarikat menjadi ejen kepada Rakan Kerjasama, anak syarikat atau ahli gabungan mereka. Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan yang dialami akibat penggunaan mana-mana faedah, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Rakan Kerjasama.
10. Penamatan Keahlian **PRU**biz beyond:
  - a. Mana-mana Ahli yang melakukan salah laku, terlibat dalam penipuan, menyalahgunakan faedah **PRU**biz beyond, dan/atau gagal mematuhi Terma & Syarat ini dengan alasan apa pun, keahliannya akan ditamatkan. Semua faedah dan keistimewaan **PRU**biz beyond akan dihentikan serta merta.
  - b. Penyalahgunaan Kad atau faedah program boleh mengakibatkan keahlian **PRU**biz beyond dibatalkan dengan segera atau digantung, atau faedah **PRU**biz beyond ditarik balik.
  - c. Syarikat berhak untuk membatalkan Keahlian mengikut budi bicara mutlak, di mana semua faedah dan hak istimewa akan dibatalkan. Penamatan tersebut adalah tanpa menjelaskan hak dan remedi Syarikat, Rakan Kerjasama dan Ahli-ahli, yang telah timbul sebelum penamatan.
  - d. Keahlian akan terbatal secara automatik setelah kematian Ahli serta faedah dan keistimewaan Ahli akan dibatalkan.
11. Syarikat akan berusaha untuk menyediakan maklumat terkini mengenai **PRU**biz beyond di laman web [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my). Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang maklumat yang belum dikemas kini.
12. Sebarang kegagalan atau kelewatan oleh Syarikat untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak atau remedi berdasarkan Terma dan Syarat **PRU**biz beyond atas apa jua alasan tidak akan dianggap sebagai pengabaian haknya untuk mengambil tindakan selanjutnya berkenaan dengan hak atau remedi atau hak remedy yang lain.

13. Terma dan Syarat mengikat perjanjian secara sah antara Syarikat dan Ahli. Terma dan Syarat yang terkini mengenai PRUbiz beyond boleh didapati di laman web Syarikat di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my), yang akan membatalkan semua perjanjian, terma dan syarat terdahulu antara Syarikat dan Ahli. Semua terma dan syarat pada mana-mana pindaan dan perubahan dari semasa ke semasa akan membentuk keseluruhan terma dan syarat yang mengikat antara Syarikat dan Ahli. Sekiranya terdapat percanggahan dalam Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam laman web Syarikat, Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam laman web Syarikat akan digunakan.